

# Tindakan tegas jika Harakah langgar syarat

BH - 3 MAR 201

KUALA LUMPUR, Khamis  
- Kerajaan akan mengambil  
tindakan lebih tegas terhadap  
lidah rasmi Pas, *Harakah*,  
jika ia terus melanggar un-  
dang-undang penerbitan,  
kata Datuk Seri Dr Mahathir  
Mohamad.

Perdana Menteri berkata,  
kerajaan masih berlembut de-  
ngan membenarkan *Harakah*  
terus diterbitkan dua kali se-  
bulan walaupun berulang  
kali memberi amaran kepa-  
da penerbitnya sebelum ini.

"Apabila anda melanggar  
undang-undang, anda seha-  
rusnya menjangka akan di-  
hukum." katanya kepada  
pemberita selepas merasmi-  
kan seminar pengurusan  
Ascen anjuran Persekutuan  
Ekonomi Kansai (Kankeir-  
en) di Hotel Renaissance, di  
sini.

Beliau ditanya oleh seorang  
wartawan asing mengapa ke-  
rajaan memutuskan untuk  
membenarkan *Harakah* diter-  
bitkan dua kali sebulan, dan  
tidak lagi dua kali seminggu  
seperti sebelum ini.

Semalam, Kementerian  
Dalam Negeri (KDN) melu-  
luskan permit pengeluaran  
*Harakah* dua kali sebulan,  
berbanding dua kali seming-  
gu sebelum ini.

Ditanya sama ada keputu-  
san itu boleh disifatkan se-  
bagai satu hukuman, Dr Ma-  
hathir berkata: "Anda boleh  
menganggapnya sebagai  
hukuman, tetapi hakikatnya  
ialah mereka telah melang-  
gar syarat yang ditetapkan

bagi penerbitan mereka." --

Kepada soalan mengapa  
*Harakah* tidak boleh diha-  
ramkan terus, beliau berka-  
ta kerajaan sebenarnya ma-  
sih berlembut setelah beru-  
lang kali memberi amaran  
kepada penerbitnya.

"Tetapi, jika mereka terus  
melanggar undang-undang,  
kita akan lebih tegas...kita  
tidak kasar seperti sesetengah  
negara di Barat," katanya.

Dr Mahathir berkata, pener-  
bit *Harakah* sudah dipanggil  
dan diberitahu sebelum ini  
supaya jangan melanggar un-  
dang-undang seperti menge-  
darkannya kepada bukan ahli  
Pas tetapi mereka terus men-  
jualnya kepada orang ramai  
terutama sewaktu pilihan raya  
baru-baru ini.

"Apabila seseorang atau  
sesuatu pihak melanggar un-  
dang-undang, ia seharusnya  
menjangka yang ia akan di-  
hukum. Orang lain yang ti-  
dak melanggar undang-un-  
dang tidak dihukum. Un-  
dang-undang mesti dipatuhi  
sama ada seseorang itu da-  
ripada pembangkang atau  
kerajaan.

"Di negara ini, kita tidak  
berat sebelah. Anggota ke-  
rajaan yang melanggar un-  
dang-undang juga dihadap-  
kan ke mahkamah, didakwa  
dan dihukum. Anggota pem-  
bangkang tidak boleh me-  
langgar undang-undang dan  
mengharapkan keistimewaan  
diberikan kepada mereka  
dengan tidak dikenakan apa-  
apa tindakan," katanya.